



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN TAMAN ROBINA ECO
PARK

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
25 JULAI 2020 (SABTU)
7.30 PAGI

**PERKARANGAN TEMPAT MELETAK KENDERAAN
TAMAN ROBINA, TELUK AIR TAWAR
BUTTERWORTH**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2020

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian

Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad

Ahli Dewan Undangan Negeri Teluk Air Tawar

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Zulkifli Bin Rashid

Pegawai Daerah

Seberang Perai Utara

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Taman Robina Eco Park.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir dan seterusnya merasmikan program pada pagi ini.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian; Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Teluk Air Tawar; Ahli-ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Yang Berusaha Tuan Zulkifli Bin Rashid, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara;

Ketua-Ketua Jabatan MBSP; dan yang terutamanya para pemimpin tempatan, peniaga, penduduk-penduduk setempat serta pengunjung yang hadir kerana sudi melapangkan masa dan memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi yang barakah ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP telah dan terus akan melaksanakan pelbagai perubahan dan sangat komited serta sentiasa meletakkan rakyat sebagai fokus utama atau *people centric* dalam semua program dan aktiviti yang dilaksanakan.

MBSP telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Dengan menjadikan “Seberang Perai is for All” sebagai *guiding principle* MBSP memacu ke arah inklusif dengan visi “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”. Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang digembeleng oleh MBSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni.

Di antara program yang dirancang dan dilaksanakan di bawah Keutamaan Strategik (Strategic Priorities) dalam Pelan Strategi Seberang Perai adalah menyediakan dan menaiktaraf “*pocket parks*”, “*community parks*” dan “*photography parks*”.

Pembangunan Robina Eco-Park ini merupakan salah satu usaha MBSP dalam merealisasikan *Penang2030: “A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation”*, di bawah Tema A dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi (“*Increase liveability to enhance quality of life*”), iaitu mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan dan seni yang termasuk warisan dan budaya. Pembangunan Robina Eco-Park meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan. Hal ini kerana pembangunan Robina Eco-Park melibatkan pembangunan alam semula jadi serta mempelbagaikan kemudahan sukan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan.

MBSP juga memastikan setiap pembangunan yang dibangunkan di Seberang Perai dapat menaik taraf ekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, Pembangunan Robina Eco-Park seperti ini dijangka dapat mewujudkan pelbagai produk pelancongan berkualiti di Seberang Perai. Adalah

diharapkan pembangunan Robina Eco-Park dapat memenuhi objektif Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 iaitu Merancang Pembangunan Secara Mampan Bagi Mencapai Persekutaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat.

MBSP amat menekankan pentingnya bagi memberi tumpuan kepada pencapaian yang menjurus kepada pendekatan atau konsep *people centric public place*. MBSP telah mengadakan beberapa sesi konsultasi bersama Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Teluk Air Tawar; Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK); serta penduduk setempat bagi mengumpul maklumbalas dan cadangan. Sesi Konsultasi ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 24 Oktober 2019 dan 10 Januari 2020.

Hasil daripada sesi konsultasi tersebut, MBSP mendapat kesimpulan bahawa rakyat mahukan perbangunan yang mempunyai ciri-ciri kehijauan dan persekitaran yang mampan. Taman ini dinamakan sebagai Eco-Park memandangkan *Green Features* atau ciri-ciri hijau yang diwujudkan dalam projek ini, antaranya adalah :-

- i. Konsep hijau yang diterapkan melalui penanaman rumput di keseluruhan tapak pembangunan kawasan ini.
- ii. Kenderaan kereta dan motor tidak lagi dibenarkan masuk melalui taman ini.
- iii. Lampu-lampu di taman menggunakan sistem solar.
- iv. Penyediaan kemudahan laluan basikal dan penambahan pokok-pokok renek.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Taman Eco-Robina atau Robina Eco-Park adalah yang kedua dibangunkan selepas MBSP Eco-Corridor di Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah. Taman Eco-Robina adalah berpaksikan kepada orientasi keluarga (*family oriented*), mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 6.664 ekar dengan kawasan yang dinaik taraf berkeluasan 4.5 ekar. Taman ini mempunyai potensi tarikan pelancong.

Projek ini telah bermula pada bulan Oktober 2019, dan walaupun projek ini tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, ianya dapat juga disiapkan sepenuhnya pada 5hb Julai 2020. Syabas saya ucapkan kepada kontraktor Sath Engineering kerana dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pihak Kontraktor akan menyelenggara projek ini sehingga hujung tahun ini. Kos keseluruhan projek ini adalah RM1,464,000.00.

Sejak tiga (3) tahun yang lalu iaitu dari tahun 2017 sehingga tahun ini, MBSP telah mewujudkan *pockets parks* dan *community parks* yang sangat popular dan menarik ramai pengunjung tempatan dan luar, di antaranya:-

- i. Taman Upcycle, Bandar Perda
- ii. Taman Tecoma, Bandar Perda
- iii. *Cycle to work corridor*, Bandar Perda
- iv. Taman Eco-Corridor MBSP, Bandar Perda
- v. Taman Tunku, Seberang Jaya
- vi. Vision Park, Bertam
- vii. Taman Ampang Jajar, Seberang Perai Selatan

viii. Taman Kampung Sanglang, Nibong Tebal

Jumlah kos untuk menaik taraf serta membangunkan kesemua *pocket park* dan *community park* ini adalah sebanyak RM1,496,370.50. MBSP juga sedang membesarakan Taman Eco-Corridor di Bandar Perda dengan kos sebanyak RM930,000.00, dan menaik taraf parit di hadapan Menara MBSP menjadi *People's Aquarium* dengan kos sebanyak RM34,240.00.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Menurut sejarahnya, Pantai Robina ini adalah dinamakan sempena gabungan nama seorang Ketua Marshall Udara Tentera Udara Diraja British (RAF), Sir Alex Robinson dan isterinya Anna Robinson sewaktu beliau menjadi pemerintah tentera pada tahun 1941 di Pangkalan Udara Butterworth. Gabungan nama Robinson dan Anna yang dipendekkan menjadi Robina itu juga dikatakan menjadi inspirasi hingga terpahatnya nama berkenaan pada nama Taman Rekreasi yang digunakan hingga ke hari ini

Pada pertengahan tahun 1960-an, pihak berkuasa tempatan *Rural District Council* (RDC) yang menguruskan Province Wellesley Utara telah mencadangkan agar pantai ini dijadikan sebagai Taman Rekreasi. Selepas itu pihak Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) telah mencadangkan kepada pihak Rural District Council untuk menamakan Taman Rekreasi ini dengan nama '**Robina Park**'.

Robina Park yang kini dikenali dengan nama Taman Rekreasi Pantai Robina itu telah banyak berubah daripada keadaannya yang asal. Dahulunya kawasan ini merupakan kawasan pantai yang bersih dan indah di mana ramai para pengunjung datang mencari remis dan ada juga yang tidak melepaskan peluang untuk mandi-manda di laut selain memancing dan juga berkelah bersama keluarga.

Namun pada pertengahan tahun 2000, iaitu setelah pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) membina tembok menahan hakisan dan ombak, keadaan Pantai Robina telah banyak berubah. Aktiviti-aktiviti pantai seperti dahulu yang dilakukan oleh pengunjung telah dipisahkan oleh tembok yang dibina di sepanjang Pantai Robina itu

Hala tuju Majlis Bandaraya Seberang Perai adalah untuk menjadikan keseluruhan Taman Robina Ekopark sebagai pusat rekreasi dan pelancongan bagi pelancong-pelancong terutamanya pelancong domestik. Komponen baru yang akan dibina dalam masa terdekat adalah dataran *food truck* yang dapat membantu golongan peniaga yang terjejas dari Kategori B40 untuk meningkatkan dan memulihkan ekonomi pasca COVID-19.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai kini telah melaksanakan dasar-dasar pembangunan dan penggalakkan pelancongan agar prasarana di Pantai Robina ini akan dipertingkatkan serta diperbaharui ke arah pembangunan pelancongan yang efektif, komprehensif dan interaktif.

MBSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Teluk Air Tawar; Ahli-ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Yang Berusaha Tuan Zulkifli Bin Rashid, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; penduduk-penduduk setempat serta pengunjung yang datang bagi memeriahkan program pada hari ini.

Saya amat mengharapkan serta memohon agar segala kemudahan infrastruktur yang disediakan di kawasan ini dijaga dengan baik oleh pengunjung dan penduduk setempat. Jadilah mata-mata MBSP dan laporkan sekiranya ada berlaku sebarang masalah *vandalisme*, kecurian dan pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama. Sama-sama lah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Terima kasih juga kepada seluruh warga Seberang Perai yang sama-sama terlibat dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**